

Bina

kemahiran sukan, bersosial si cilik

» **WCT KIDSS** latih remaja
sukan bola keranjang, bola sepak

Oleh **Nadia Hamid**
nnadia@mediaprima.com.my

Senario biasa hari ini menyaksikan kelincahan jemari anak kecil menekan keyboard ke kanan, kiri, atas dan bawah, sambil kepala tunduk serta badan menyenget dek keghairahan memanfaatkan kemudahan teknologi.

Berbanding kanak-kanak generasi Y, anak kecil generasi Z (lahir tahun 90-an dan seterusnya) gemar meluangkan masa tanpa mengira waktu melayari internet, konsol permainan video Xbox dan memuat turun permainan maya.

Dulu, aktiviti mewarna dilakukan secara manual pada kanvas lukisan atau pertandingan mewarna namun, aplikasi teknologi maya menyaksikan permulaan era mewarna bersendirian secara sentuhan maya.

Mahu aksi anda dipaparkan dalam akhbar **BH?** Remaja, persatuan, kelab atau mana-mana pertubuhan belia dialu-alukan berkongsi aksi, gambar dan pengalaman anda menyertai pelbagai aktiviti dalam kolom **JIWA REMAJA**. Anda boleh hantar seberapa banyak gambar high resolution dan sertakan keterangan mengenai aktiviti dilakukan ke e-mel nnadia@mediaprima.com.my atau bminggu@mediaprima.com.my.

Ternyata kebimbangan terhadap pergaulan anti-sosial mendorong syarikat pembinaan kejuruteraan sivil, WCT Berhad melancarkan program sekolah sukan bola keranjang dan bola sepak bagi remaja berusia antara sembilan hingga 15 tahun.

Perkasa pembangunan sukan

Menurut Pengurus Komunikasi Korporatnya, Wendy Kok, pembangunan Sekolah Sukan Kanak-kanak WCT KIDSS pertama kali dilancarkan di empat kawasan Lembah

Klang iaitu Bandar Bukit Tinggi, Klang; Shah Alam; Kelana Jaya dan Overseas Union Garden (OUG).

Jelasnya, ia bertujuan memperkasa pembangunan sukan tanpa mengira gender, bangsa dan kelas sosial menerusi aktiviti luar, pembentukan komuniti sosial serta struktur pembangunan sukan remaja.

"Peluang hadir bukan mudah, seharusnya ia dimanfaatkan pada medium sewajarnya. Apatah pula, KIDSS adalah percuma.

"Remaja berpeluang mengasah bakat terpendam sekali gus membina keyakinan, disiplin, kecergasan kesihatan, dan fundamental kemahiran interpersonal sekali gus menyumbangkan kembali kejayaan kepada komuniti," katanya menjelaskan program ini dijalankan berdasarkan kajian WCT atas inisiatif menyumbangkan kembali kemahiran kepada komuniti yang begitu banyak menyokong aktiviti syarikat WCT.

Sasar lebih penyertaan

Menurut Wendy lagi, setakat ini sudah empat minggu program latihan berkenaan dianjurkan. Sehubungan itu, KIDSS mensasarkan penyertaan lebih ramai remaja untuk tempoh latihan sehingga 17 November depan.

Selepas tamat program, satu perlawanan antara kumpulan bakal diatur jurulatih WCT KIDSS bagi mengenal pasti sejauh mana keberkesanan program berkenaan.

Sehubungan itu, remaja yang berminat mempelajari kemahiran bersukan bola keranjang dan bola sepak boleh menghantar penyertaan secara online di talian www.wctkids.com.my; facebook.com/wctkids atau hubungi 03-62049881.

INFO

KIDSS

- ⊙ Program selama 24 minggu bermula 1 Jun hingga 17 November 2013.
- ⊙ Pendaftaran secara online, 40 peserta terawal setiap minggu dan percuma!
- ⊙ Waktu latihan pada hujung minggu.
- ⊙ Membuka peluang dan mencipta pembangunan atlit remaja tanpa mengira gender, bangsa dan kelas sosial ke tahap profesional.
- ⊙ Jurulatih berpengalaman iaitu bekas pemain bola keranjang kebangsaan dan jurulatih bola sepak profesional.

